

Stok ikan semakin berkurangan

Sinar Harian 19/10/2019 m/s 31

Saiz ikan juga semakin mengecil akibat kerakusan manusia

KUALA TERENGGANU

Stok ikan di perairan Malaysia kini semakin berkurangan dan saiznya semakin mengecil akibat kerakusan manusia.

Pensyarah kanan bidang Teknologi Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz berkata, 15 tahun lalu nelayan mampu mendapatkan ikan bersaiz besar dengan mudah berbanding sekarang dan ia menjadi salah satu penanda aras tekanan terhadap stok perikanan negara.

Menurutnya, salah satu punca hakisan stok adalah penangkapan ikan secara haram, tidak dilapor dan tidak dikawal (*Illegal, unreported and unregulated fis-*



Dr Mohd Fazrul Hisam ketika temu bual di Kuala Terengganu baru-baru ini.

hing - IUU).

"Isu IUU ini boleh memberi kesan dalam jangka panjang terhadap stok perikanan di Malaysia. Selain ikan komersial, mangsa utama kegiatan IUU ini adalah hidupan laut dan ikan yang tidak mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

"Contohnya, ikan lumba-

lumba, paus, penyu, obor-obor dan hidupan demersal seperti kerangan. Ada antara hidupan ini berakhir sebagai ikan baja dan dibuang sebegitu sahaja di laut-an," katanya kepada *Bernama* di sini baru-baru ini.

Mohd Fazrul berkata, tekanan kepada stok perikanan semakin meruncing apabila penggu-

naan ikan perkapita di Malaysia meningkat daripada 46 kilogram kepada 55 kilogram dari 2010 ke 2019.

Menurutnya, dijangkakan juga pendaratan ikan marin akan meningkat sebanyak 2.9 peratus iaitu daripada 1.23 juta tan metrik pada 2010 kepada 1.76 juta tan metrik pada 2020, malah permintaan produk berasaskan perikanan meningkat dari tahun ke tahun dan sekali gus meningkatkan lagi tekanan pada stok perikanan sedia ada.

"Permintaan yang tinggi menyebabkan pengusaha perikanan mencari seribu satu cara bagi memenuhi permintaan di pasaran.

"Antara teknik yang diharamkan di Malaysia tetapi masih digunakan secara berleluasa ialah racun, elektrik, rawai dan letupan hingga memberi tekanan besar kepada stok ikan.

"Penggunaan racun atau tuba merupakan salah satu teknik IUU yang digunakan pada musim kemarau serta digunakan pada air tawar apabila perairan menjadi

cetek," katanya.

Mohd Fazrul berkata, tuba juga boleh memberi kesan kepada mereka yang memakan ikan yang ditangkap menggunakan teknik tersebut.

Menurutnya, antara ciri-ciri yang mudah kelihatan pada ikan yang telah dituba adalah perutnya lebam dan berwarna biru, malah ikan juga mudah berbau serta mengeluarkan lendir yang banyak.

"Bom juga digunakan sebagai bahan mencari ikan secara berleluasa tanpa menyedari ia mengandungi bahan kimia sianida yang boleh memudaratkan mereka yang memakan ikan tersebut.

"Tahun ini sahaja, sebanyak 43 kes pengeboman telah direkodkan di Semporna, Sabah," katanya.

Selain itu, Mohd Fazrul berkata, penjarahan sumber perikanan oleh nelayan asing juga semakin berleluasa sehingga Malaysia kerugian RM6 bilion setahun walaupun pihak berkuasa cuba mengatasinya. - *Bernama*